

Soalan-soalan Lazim

Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification

A. MENGENAI PROGRAM

1. Apakah matlamat program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification?

Program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification dijalankan untuk memberi peluang kedua kepada pelajar atau calon-calon yang mempunyai minat yang menjurus ke arah skil perakaunan dan teknikal berbanding dengan akademik. Program ini merangkumi pensijilan di dalam industri perakaunan di mana calon-calon akan mendapat kemahiran yang bersesuaian dengan permintaan industri dan peluang pekerjaan. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam bidang pekerjaan berkaitan perakaunan dengan pendapatan lumayan di dalam industri tersebut.

2. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification?

- Bumiputera warganegara Malaysia
- Calon berumur dari 18 hingga 23 tahun
- Boleh membaca, mengira dan menulis
- Tidak memiliki apa - apa sijil Diploma/Ijazah/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- Bebas daripada pengaruh dadah dan alkohol
- Sihat dan mempunyai minat yang mendalam terhadap program dan industri berkaitan

3. Apakah pensijilan yang ditawarkan kepada peserta Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification?

Peserta yang menamatkan program akan memperolehi pensijilan - pensijilan berikut;

- Advanced Certificate in Bookkeeping (AAT)
- AAT Advanced Diploma in Accounting from Association of Accounting Technician (AAT), United Kingdom
- AUTOCOUNT Computerized Accounting
- Account 365 Certified Professional (Cloud Computing) from XEERSOFT

4. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?

Tidak. Program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification adalah program pembiayaan penuh.

5. Adakah program ini di buka kepada calon daripada semua negeri?

Ya, program ini di buka kepada calon dari seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, latihan akan dijalankan di **Bandar Puteri Puchong, Puchong, Selangor**.

6. Bagaimanakah dengan peluang pekerjaan selepas tamat latihan?

Tawaran pekerjaan di dalam bidang perakaunan akan diberikan kepada peserta selepas tamat tempoh latihan. Peserta akan diberi peluang untuk bekerja dalam bidang perakaunan bergantung kepada prestasi peserta sepanjang kursus dijalankan.

7. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification?

Tidak. Peserta tidak terikat dengan Yayasan Peneraju. Walau bagaimanapun, peserta perlu bekerja di Malaysia, atau sekiranya di luar Malaysia, bekerja dengan syarikat berdaftar di Malaysia dalam tempoh satu tahun selepas tamat program.

8. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?

Ya, perjanjian pembiayaan akan disediakan untuk semua peserta.

9. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenarai pendek untuk menyertai program ini?

Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangani dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju.

10. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?

Peserta perlu membayar balik kesemua kos yang telah digunakan oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan program.

11. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?

- Yuran pengajian dan pensijilan
- Insurans
- Elaun bulanan
- Elaun penginapan/pengangkutan
- Bahan – bahan pengajian (modul dan buku kerja)

12. Sekiranya saya sudah menerima pinjaman / biasiswa dari pihak lain, adakah saya masih boleh menerima tawaran biasiswa di bawah tajaan Yayasan Peneraju?

Tidak.

B. PROSES PERMOHONAN

1. Bagaimana cara untuk mendaftar?

Permohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi Yayasan Peneraju www.yayasanpeneraju.com.my atau berhubung terus dengan rakan program kami, System & Skills Training Concept Sdn. Bhd.

2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?

- Pengesahan dokumen
- Temuduga

- Taklimat bersama ibu bapa
- Pemeriksaan kesihatan

3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?

Semua peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon atau emel.

4. Sekiranya saya tidak Berjaya, adakah saya akan dihubungi?

Tidak.

C. STRUKTUR PROGRAM

1. Berapa lamakah program ini akan berlangsung dan apakah komponen yang terkandung?

Program akan berjalan selama sembilan (9) bulan yang merangkumi latihan teori, latihan teknikal dan program pemupukan dan pembangunan (Nurture and Development Programme).

2. Apakah contoh komponen 'Nurture and Development' yang diterapkan dalam Program Skil dan setiap program Yayasan Peneraju?

'Nurture and Development' di dalam program Peneraju Skil Iltizam AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification memberi penekanan kepada aspek disiplin dan jatidiri dalam kalangan peserta disamping persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan yang berkaitan.

3. Bilakah saya akan mula menerima bantuan biasiswa?

Sebaik sahaja program bermula.

4. Bilakah permohonan akan dibuka?

| Permohonan | Jangkamasa |
|-------------------------------|---------------------------|
| Permohonan akan dibuka pada | Julai dan Ogos 2019 |
| Program dijangka bermula pada | September & November 2019 |